

► **TAUHID BAKHIT**

Puisi merupakan satu genre kesusasteraan yang telah menjadi sebahagian daripada seni warisan budaya Melayu.

Ini merupakan karangan berangkap yang lazimnya dikaitkan dengan rangkaian kata-kata yang indah belaka.

Manakan tidak, dengan pemilihan istilah-istilah yang tepat di samping teknik menulis yang khusus, maka tidak hairanlah jika bait-bait puisi mampu menyentuh hati sekali gus memukau pembaca.

Pada dasarnya, puisi merupakan satu daripada dua genre kesusasteraan Melayu.

Ia kemudian dibahagi lagi kepada beberapa jenis termasuklah pantun, syair, gurindam dan sebagainya.

Setiap daripada jenis puisi itu mempunyai struktur dan aturan tertentu yang harus penulis patuhi.

Misalnya, serangkap pantun empat kerat diawali dengan dua baris 'pembayang' baru-lah diikuti dengan dua baris maksud.

Hal inilah yang menjadikan pantun unik jika dibandingkan dengan jenis puisi lain seperti syair iaitu setiap baris mengandungi isi yang hendak disampaikan.

Lebih daripada itu, penulis pantun yang mahir harus memastikan agar setiap baris memiliki lapan hingga 12 suku kata.

Tambahan pula, rangkap-rangkap pantun yang dihasilkan harus memiliki aturan irama yang bertepatan.

Hakikatnya, seperti aspek budaya yang lain, sebarang bentuk kesenian tidak terlepas daripada kesan perubahan zaman.

Sebagai seni yang 'hidup', jenis-jenis puisi yang baru, atau dikenali juga sebagai 'puisi moden' terlahir ekoran perubahan zaman.

Jika dahulu penulis terikat dengan aturan ketat dari segi struktur puisi, penulis 'puisi moden' kini kurang terikat dengan aturan tetap.

Jika dibandingkan isi kandungan sastera moden dan klasik pula, terdapat beberapa perkara yang dapat dikemukakan.

Yang utama sekali, sebarang karya sastera, termasuklah puisi moden mahupun klasik, merupakan cerminan hidup masyarakat pada sesuatu zaman.

Tidak dapat tidak, setiap karya terlahir daripada pengalaman dan lingkungan si penulis.

Lantas, tatkala meneliti isu-isu yang diangkat penulis dari suatu zaman ke suatu zaman yang lain, tentunya terdapat beberapa perbezaan yang dapat dilihat.

Sememangnya, perjuangan hidup setiap masyarakat berbeza-beza.

Barangkali masalah yang menjerat sesebuah masyarakat itu langsung tidak wujud dalam masyarakat lain.

Namun begitu, isu dan masalah tersebut mencerminkan nilai sejagat yang merentas zaman.

Misalnya, perihal kemanusiaan, keadilan, keamanan dan sebagainya, merupakan nilai universal yang tidak dikhususkan bagi sesuatu zaman mahupun masyarakat.

Malah, nilai tersebut merupakan dambaan setiap insan.

Lantas, puisi bukanlah taman gubahan pepatah indah semata-mata.

Sebaliknya, ia merupakan gambaran hidup yang mencerminkan juga 1,001 gejala yang menjerat masyarakat.


Dalam erti kata lain, seorang penulis puisi tidaklah menghasilkan karya yang terpisah daripada perjuangan hidup masyarakatnya sendiri dan tidaklah juga beliau taasub ingin mengemukakan teori mahupun seruan muluk belaka.

Justeru, barangkali yang membuat si pembaca tersentak bukanlah pepatah indah semata-mata, melainkan mereka sendiri dapat mengaitkan puisi tersebut dengan perjuangan hidup sendiri.

Berkait rapat dengan hal itu, kepekaan penulis dilengkapi pula dengan pemilihan jenis puisi yang sesuai yakni sama ada beliau ingin mengangkat isu yang ingin diketengahkan dalam bentuk syair, pantun atau seni kesusas-

# Semarakkan Warisan Puisi: Ungkapan Indah Cerminan Masyarakat

Sasterawan mapan, Hamed Ismail, hasilkan karya sejajar kecenderungan masyarakat



Berbekalkan pengalaman menulisnya yang luas, sasterawan mapan yang tidak asing lagi dalam dunia persuratan Melayu Singapura, Hamed Ismail, pernah diundang untuk membacakan puisinya di negara-negara jiran. – Foto TAMAN WARISAN MELAYU

teraan yang lain.

Seiring dengan itu, demi memastikan mesej yang hendak diketengahkan dapat disampaikan dengan berkesan, penulis harus pula memilih kata-kata serta teknik penulisan paling sesuai.

Namun, bagi seorang penulis untuk mencapai tahap kemahiran yang tinggi bukanlah urusan sehari dua.

Ia merupakan usaha seumur hidup yang mewajibkan latihan serta kesungguhan dan il-tizam yang kukuh untuk terus membaiki penulisan.

Antaranya, tabiat membaca haruslah diterapkan dalam rutin seharian tidak kira dalam bahasa apa sekalipun.

Malah, meskipun ingin menulis puisi Melayu, tidaklah salah baginya mengambil inspirasi daripada karya-karya bahasa lain.

Bahkan, penulis juga boleh menerapkan teknik penulisan yang digarap dalam karya tersebut.

Selain itu, seorang penulis seeloknya menepis perasan malu dan sikap ego yang menghambat beliau daripada menimba ilmu atau meminta nasihat daripada penulis lain.

Pada masa yang sama, tatkala dikurniakan ilmu, usahlah lokek berkongsi agar sama-sama dapat mengembangkan lagi seni warisan ini.

## HAMED ISMAIL – PEJUANG BAHASA DAN KESUSASTERAAN

Antara penulis tempatan yang berkecimpung dalam seni warisan ini ialah Hamed Ismail, seorang sasterawan mapan yang tidak asing dalam dunia persuratan.

Berbekalkan pengalaman yang amat luas, penglibatan beliau dalam bidang ini melangkai pelbagai genre sastera.

Seawalnya, tatkala berkhidmat di salah sebuah kementerian, beliau ditugaskan untuk menyemak buku-buku yang dibawa masuk dari negara lain.

Pengalaman itu mendedahkannya kepada pelbagai jenis dan teknik penulisan yang kemudiannya beliau manfaatkan ketika berkecimpung dalam dunia penulisan secara profesional.

Susunan itu, beliau bertugas pula sebagai penulis skrip drama televisyen tempatan.

Dengan bacaan yang luas, beliau mampu menggarap dan mengadaptasikan pelbagai unsur dalam skrip yang dihasilkan tidak kira sama ada elemen tersebut didapati daripada karya Melayu atau Inggeris.

Pada masa yang sama, tidak pula beliau lupa untuk memuatkan perkara yang dianggap penting dalam masyarakat Melayu seperti budaya, agama dan sebagainya.

Ketika itu, terdetik pula rasa minat terhadap drama pentas.

Meskipun bilangan skrip drama pentas yang sempat beliau hasilkan tidak banyak, beliau bersyukur kerana beberapa drama pentasnya masih dibaca dan dimanfaatkan

sehingga ke hari ini.

Bahkan, drama pentasnya, *Anjing untuk Diplomat*, turut pernah dimasukkan dalam sukatan pelajaran sastera di peringkat maktab rendah.

Pendedahan Hamed terhadap puisi bermula semenjak kecil tatkala pak cik beliau, seorang penulis, memperkenalkannya kepada seni yang indah itu.

Setelah lama berjinak-jinak menulis puisi, karyanya memenangi tempat pertama dalam pertandingan.

Ekoran pencapaian tersebut, beliau mula dikenali ramai.

Usahnya untuk terus memperhalusi kemahiran menulisnya jelas membuahkan hasil tatkala dianugerahkan pelbagai anugerah berprestij.

Meskipun begitu, perjuangannya dalam dunia persuratan tidak terhenti di situ.

Di samping menulis, kini beliau turut diundang untuk mengendalikan kursus menulis serta berbicara di acara forum sastera.

Natijahnya, beliau berasa senang hati dapat berkongsi ilmu dan pengalaman kepada sesiapa sahaja yang berminat, apatah lagi golongan anak muda yang baru ingin menjejak masuk dalam seni persuratan.

Meskipun akur bahawa terdapat pelbagai cabaran yang harus dilalui dalam perjuangan itu, beliau menggalakkan setiap penulis baru agar terus cekal kerana seni warisan menawarkan pelbagai kebaikan bukan sahaja untuk penulis bahkan juga untuk masyarakatnya.

Antara cabaran yang harus ditempuhi ialah perubahan zaman yang sekali gus mengundang perubahan cita rasa pembaca.

Maka, dalam hal ini, wajarlah bagi penulis mendekati masyarakatnya agar dapat mengenal pasti kecenderungan serta perkara yang dapat menarik minat mereka.

Hamed menegaskan bahawa seorang yang mengharap karyanya dibaca harus bersikap adil dengan memastikan terlebih dahulu agar karya yang dihasilkan itu sejajar dengan kecenderungan masyarakat.

## PENUTUP

Natijahnya, puisi merupakan satu cabang seni warisan budaya Melayu yang kaya dan tinggi nilainya.

Namun, ia tidak pula terlepas daripada kesan perubahan zaman yang melahirkan minat dan kecenderungan yang berubah-ubah.

Lantas, pengait seni harus memberanikan diri untuk membuat perubahan dan mengadaptasi sewajarnya demi memastikan agar seni warisan terus kekal relevan.

Misalnya, untuk menyemarakkan puisi, boleh sahaja ia dilantunkan mengikut irama dengan iringan muzik.

Pada masa yang sama, tidak dapat dinafikan juga bahawa sebarang seni pengkaryaan termasuklah puisi memerlukan kefasihan berbahasa.

Justeru, untuk melestarikan seni berpuiti, cinta terhadap bahasa Melayu haruslah dipupuk terlebih dahulu.

Eloklah jika sebarang tanggapan buruk terhadap bahasa Melayu disangkal dan digantikan pula dengan penekanan terhadap keindahan bahasa ini.

Akhir kalam, puisi bukanlah taman kata-kata indah yang kosong.

Sebaliknya, ungkapan yang indah belaka merupakan cerminan masyarakat si penulis – satu cerminan nyata yang memerlukan tahap keprihatinan dan kepekaan yang tinggi.

Untuk menonton video yang merakam usaha pengait Warisan Budaya Tidak Ketara (Intangible Cultural Heritage) dalam kalangan masyarakat Melayu Singapura, anda juga boleh lungsur ke pautan, <https://www.facebook.com/malayheritage>.

► *Penulis mahasiswa Pengajian Melayu di Universiti Nasional Singapura (NUS) dan dilantik sebagai seorang Sahabat Sastera oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) pada 2023.*